

24 APR 2001

Thailand-Pemisah

THAILAND TIDAK PERCAYA MALAYSIA SOKONG PERGERAKAN PEMISAH

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Kerajaan Thai tidak pernah percaya bahawa Kerajaan Malaysia menyokong pergerakan pemisah di selatan Thailand, kata Perdana Menteri Thaksin Shinawatra hari ini.

Beliau berkata Thailand yakin bahawa Malaysia tidak menyokong pergerakan "penjahat" kerana ia telah memberi sokongan padu dan bekerjasama dengan Thailand mengenai isu-isu keselamatan pada masa lepas.

"Tidak, kerajaan Thai tidak pernah percaya bahawa Malaysia menyokongnya," katanya pada sidang media semasa diminta oleh pemberita mengulas mengenai kenyataan Malaysia bahawa ia tidak menyokong pergerakan pemisahan itu.

Thaksin berada di sini untuk lawatan dua hari mulai hari ini - lawatan rasmi pertama beliau ke luar negeri sejak dilantik sebagai Perdana Menteri.

Beliau diiringi oleh 71 anggota delegasi yang terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri Pitak Intharavittayanan, Menteri Luar Surakiat Sathirathai, Menteri Perdagangan Adisai Bhotharamik, Menteri Kewangan Somkid Jatusripitak dan Menteri Dalam Negeri Purachai, pegawai-pegawai kerajaan dan wartawan.

Katanya Malaysia dan Thailand mempunyai hubungan dua hala yang baik dan sentiasa bekerjasama dalam menyelesaikan isu-isu keselamatan dan kedua-dua negara tidak mempunyai masalah mengenainya.

Diminta mengulas mengenai laporan berita bahawa anggota pergerakan pemisah mengadakan mesyuarat sulit di Malaysia sebelum insiden pengeboman di selatan Thailand baru-baru ini, beliau berkata Malaysia dan Thailand mempunyai kerjasama sempadan dan ia boleh membantu menyelesaikan masalah.

"Tidak ada masalah dengan rakyat Malaysia tetapi kami masih mengesan mereka yang terbabit (pengeboman baru-baru ini)," dan menambah kata bahawa Thailand akan meminta kerjasama Malaysia untuk mengesan mereka yang dikeluarkan waran tangkap.

Ditanya sama ada beliau membangkitkan perkara itu semasa pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Thaksin berkata perkara itu akan dikendalikan oleh para pegawai kedua-dua negara.

Thaksin juga menyuarakan keyakinan bahawa tidak ada masalah daripada segi kerjasama keselamatan antara kedua-dua negara pada masa depan memadamkan Kementerian Dalam Negeri kedua-dua negara mempunyai hubungan yang baik.

Ditanya mengapa beliau memilih Malaysia sebagai negara pertama lawatan rasminya ke luar negeri selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Thaksin berkata "Ini kerana Malaysia adalah negara terdekat dan ia merupakan sebahagian daripada lawatan rasmi saya ke luar negeri."

-- BERNAMA

AT AFY LAT